

Kekejaman Israel sama seperti 'Nazi' - Mahathir

14 APR 1986

KUALA LUMPUR 13 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan kekejaman yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestin adalah sama seperti yang dilakukan oleh kerajaan Jerman (Nazi) terhadap kaum Yahudi pada satu masa dulu.

Perdana Menteri berkata, rakyat Israel ketika itu telah merayu simpati dari negara - negara di dunia kerana kekejaman tersebut dan negara kita juga turut bersimpati atas penderitaan Yahudi akibat kekejaman kerajaan Nazi itu.

Bagaimanapun sekarang, Israel telah lupa dengan kekejaman yang pernah mereka alami dan rasai malahan kini Yahudi sendiri telah melakukan tindakan seperti yang pernah dilakukan oleh kerajaan Nazi itu.

"Mereka (Yahudi) bukan bangsa yang tahu insaf dan merasa penderitaan orang lain tetapi pentingkan diri sendiri walaupun dunia mengecam termasuk rakannya Amerika Syarikat," katanya semasa berucap selepas menerima derma rakyat Palestin di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Menurut Perdana Menteri, sehingga sekarang tidak ada tanda - tanda yang

menunjukkan rejim Yahudi itu merasa insaf dan dalam hubungan ini beliau berharap, negara - negara yang menjadi rakan Israel menghentikan bantuan kepada Israel.

Katanya, negara - negara yang bersubahat dengan rejim yang ganas adalah sama dengan rejim Nazi dahulu.

Perdana Menteri berkata, kerana sokongan serta bantuan rakan - rakan Israel maka tentera - tentera Israel terus melakukan keganasan tanpa merasa takut terhadap pandangan dunia.

Menurut beliau lagi, lebih 20 tahun orang Palestin hidup menderita di khemah - khemah yang tidak selesa dan Israel tidak pernah merasa bimbang dengan penderitaan rakyat Palestin itu.

Kekejaman Israel, kata Perdana Menteri, tidak ada batasnya kerana bila rakyat Palestin memberontak atau tunjuk perasaan dengan menggunakan batu sahaja, askar - askar Israel membalas dengan tembakan sehingga mati, dipukul atau ditanam hidup - hidup.

"Ada juga arahan Israel supaya dipatahkan tangan orang - orang yang memberontak," katanya.

Rakyat Palestin juga diusir dari bandar yang diduduki dan wilayah - wilayah milik Palestin kini diduduki pula oleh orang - orang Israel di samping ramai rakyat Palestin yang mahu atau disiksa dengan kejam oleh tentera Israel.

Perdana Menteri geram dengan bangsa atas semangat yang ditunjukkan oleh rakyat negara ini bagi membantu rakyat Palestin menebus maruah mereka dengan menghulurkan sumbangan kewangan dan berharap usaha itu diteruskan.

Katanya, rakyat Malaysia mudah berasa simpati dengan orang yang tertekan dan tertindas dan berharap derma itu akan disampaikan kepada rakyat Palestin yang sedang mengharapkan bantuan itu untuk perubatan dan makanan.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar semasa berucap di majlis itu berkata, sejak Tabung Rakyat Palestin ditubuhkan \$456,345.24 telah dikumpulkan dan AS\$30,000 telah diserahkan kepada wakil PLO di Malaysia sementara AS\$40,000 lagi disampaikan kepada wakil PLO di Aman, Jordan.